

## SOALAN LAZIM PEMERIKSAAN

1. **Apakah kriteria yang digunakan oleh Pendaftar dalam pemilihan syarikat/firma untuk pemeriksaan di bawah seksyen 12 Akta WTD 1965?**

Pihak Pendaftar memilih secara rawak syarikat/firma yang tertakluk di bawah Seksyen 8 Akta WTD 1965 mengikut sektor yang telah ditetapkan untuk pemeriksaan di bawah seksyen 12 Akta WTD 1965.

2. **Adakah syarikat/firma boleh memohon untuk penangguhan pemeriksaan di bawah seksyen 12 Akta WTD 1965?**

Syarikat/firma hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada pendaftar dengan alasan yang munasabah. Walau bagaimanapun, keputusan kelulusan penangguhan adalah tertakluk di bawah budi bicara Pendaftar.

3. **Apakah bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap syarikat/firma yang enggan memberi kerjasama kepada pihak Pendaftar bagi menjalankan pemeriksaan?**

Menurut seksyen 12 (4) Akta WTD 1965, sekiranya syarikat/firma atau pegawai syarikat/firma:

- i. Enggan/mengelak/menghalang dari menunjukkan dokumen.
- ii. Gagal membetulkan kesilapan yang dibangkitkan oleh Pendaftar; atau
- iii. Menghalang/menyekat Pendaftar atau pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan pemeriksaan;

Jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dari **RM5,000.00** atau **tiga (3) bulan penjara** atau **kedua-duanya sekali**.